



SIARAN AKHBAR JABATAN KASTAM DAN EKS AIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

KES TANGKAPAN BARANG TEGAHAN KASTAM

1. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang meneruskan lagi gerakan operasi menyasarkan tiga tempat lokasi berasingan pada hari Selasa, 23hb November dan pada hari Rabu, 24hb November 2021.
2. Hasil gerakan operasi pertama yang telah dijalankan pada hari Selasa, 23hb November 2021 di premis kilang papan dan sebuah rumah di Kampong Panchor Murai, JKED telah berjaya menahan seorang lelaki dan seorang perempuan warganegara asing berumur 36 dan 46 tahun yang dipercayai memiliki dan terlibat dengan aktiviti penjualan barang-barang tegahan Kastam iaitu 446 katon, 6 paket dan 16 batang rokok pelbagai jenis; wang tunai berjumlah BND\$3,555.00 yang dipercayai hasil daripada jualan barang-barang tegahan Kastam.
3. Seterusnya pada hari Rabu, 24hb November 2021, hasil gerakan operasi kedua yang telah dijalankan di kawasan hutan Kampong Sungai Bunga, JKED telah berjaya menjumpai barang-barang tegahan Kastam iaitu 83 katon pelbagai jenis.
4. Pada hari yang sama, hasil gerakan operasi ketiga pula yang telah dijalankan di kawasan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Kampong Lambak Kiri, JKED telah berjaya menahan 2 orang lelaki warganegara tempatan berumur 28 dan 38 tahun yang didapati memiliki barang-barang tegahan Kastam iaitu 174 katon rokok pelbagai jenis; serta sebuah kenderaan dan wang tunai berjumlah BND\$28,486.00 yang disyaki hasil daripada jualan barang-barang tegahan Kastam.
5. Kesemua barangan tegahan terbabit telah dirampas dan kesemua individu terlibat telah dibawa ke Pejabat Penguatkuasaan Undang-Undang untuk siasatan lanjut.
6. JKED ingin menasihatkan kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi mana-mana perundangan Negara yang berkuatkuasa pada masa ini dan menghindari dari melakukan kegiatan-kegiatan penyeludupan atau membawa masuk dan keluar barang-barang tegahan dan jua larangan tanpa sebarang kebenaran daripada agensi-agensi berkepentingan yang mengawal barang-barang tersebut. Memiliki barang-barang tegahan Kastam adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 146, Perintah Eksais 2006.
7. JKED turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aktiviti yang menyalahi perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh JKED. Orang ramai dialu-alukan untuk mengongsikan maklumat berkaitan apa jua kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan kastam atau apa jua aktiviti yang menyalahi perundangan Kastam dengan menghubungi JKED di talian utama JKED: 8714422/8721422 atau pejabat kastam yang berdekatan. Pihak JKED juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

**JABATAN KASTAM DAN EKS AIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Tarikh: 26hb November 2021
RUJ KES KASTAM: ENF/PR/28/2021**

GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN GERAKAN OPERASI PERTAMA



**GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN GERAKAN OPERASI
KEDUA**



GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN OPERASI KETIGA

